



PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 5 TAHUN 1995

**PERATURAN MENGENAI KADAR-KADAR DAN
SYARAT-SYARAT BAYARAN SAGUHATI KEPADA
PENSYARAH/PENCERAMAH SAMBILAN**

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan tentang pindaan terhadap peraturan berhubung dengan kadar-kadar dan syarat-syarat mengenai bayaran saguhati kepada pensyarah/penceramah sambilan yang memberikan syarahan atau ceramah secara sambilan dalam kursus atau majlis-majlis rasmi anjuran Kementerian/Jabatan /Agensi Kerajaan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Peraturan kadar-kadar dan syarat-syarat bayaran saguhati pensyarah/penceramah sambilan yang dipakai sekarang adalah sebagaimana ditetapkan dalam Pekeling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 1993. Dengan pelaksanaan pekeling berkenaan, ianya dapat membantu Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan membuat bayaran berkaitan dengan cepat, seragam dan teratur.
- 2.2 Walau bagaimanapun, pelaksanaan pekeling tersebut tidak sepenuhnya dapat menyelesaikan isu-isu berkaitan kerana terdapat beberapa ulasan dan cadangan diterima daripada Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat termasuklah bagi mengawal perbelanjaan. Di samping itu, pekeling berkenaan tidak menjelaskan beberapa terma-terma penting yang digunakan dalam pekeling tersebut.

3. TAFSIRAN

- 3.1 Melainkan sesuatu itu terjelas maksudnya di dalam pekeling ini, tafsiran di bawah ini hendaklah dipakai:
 - 3.1.1 "Institusi, Bahagian atau Unit Latihan" adalah bermaksud organisasi yang bertanggungjawab secara terus mengendalikan kursus bagi Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan dan bukan hanya berfungsi sebagai penyelaras atau sekretariat yang menguruskan pentadbiran latihan semata-mata. Ini bermakna bahawa satu-satu institusi, bahagian atau unit latihan hendaklah mempunyai anggota-anggota tenaga pengajar tetapnya sendiri bagi mengendalikan kursus-kursus di bawah programnya;
 - 3.1.2 "Pensyarah/Penceramah Sambilan" adalah bermaksud pegawai Kerajaan yang memberikan syarahan atau ceramah secara sambilan atau sekali sekala di sesuatu kursus atau majlis-majlis rasmi anjuran Kementerian/ Jabatan/Agensi Kerajaan dalam atau di luar waktu pejabat dimana tugas memberikan syarahan atau ceramah tersebut adalah bukan tugas rasmi beliau. Dengan itu pegawai-pegawai Kerajaan yang berjawatan Pensyarah atau nama-nama panggilan seperti Profesor dan sebagainya di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau di Maktab-maktab Perguruan dan seumpamanya bukanlah secara otomatis termasuk dalam tafsiran ini;

- 3.1.3 “Tugas Rasmi” bermakna tugas yang berkaitan dengan tugas rasmi pegawai;
- 3.1.4 “Kursus” bermakna sebarang kursus pra atau dalam perkhidmatan termasuklah ceramah atau seminar yang bercorak latihan atau seumpamanya tetapi tidak termasuk kursus-kursus akademik yang dianjurkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Tempatan;
- 3.1.5 “Majlis Rasmi” bermakna sebarang majlis yang diadakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti rasmi Kerajaan;
- 3.1.6 “Pegawai” bermakna seseorang pegawai tetap atau kontrak di dalam Perkhidmatan Awam;
- 3.1.7 “Penganjur” bermakna Kementerian/Jabatan/ Agensi yang membiayai sebahagian besar perbelanjaan kursus;
- 3.1.8 “Pakar” bermaksud pensyarah/penceramah sambilan yang memenuhi semua syarat seperti di *Lampiran “A”* dalam pekeliling ini; dan
- 3.1.9 “Ketua Jabatan” bermakna Ketua Setiausaha kepada Kementerian, Ketua Jabatan, Ketua sesuatu Perkhidmatan, mengikut mana yang berkenaan.

4. PERATURAN MENGENAI BAYARAN SAGUHATI PENSYARAH/PENCERAMAH SAMBILAN

- 4.1 Bagi maksud mengawal perbelanjaan berhubung dengan bayaran saguhati pensyarah/penceramah sambilan, Ketua Jabatan adalah diingatkan supaya mematuhi kadar-kadar dan syarat-syarat yang ditetapkan mengenainya seperti berikut:

4.1.1 Kadar Bayaran Saguhati

- 4.1.1.1 Kadar bayaran saguhati kepada pensyarah/penceramah sambilan yang bukan terdiri daripada golongan pakar adalah seperti berikut:-

<i>Bil.</i>	<i>Kategori Pensyarah/ Penceramah Sambilan</i>	<i>Kadar Bayaran Sejam</i>
(i)	Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Ke Atas	RM 100.00
(ii)	Kumpulan Sokongan Kategori V, VI dan VII	RM 80.00
(iii)	Kumpulan Sokongan Kategori VIII dan IX	RM 50.00
(iv)	Kumpulan Sokongan Kategori X dan XI dan	RM 40.00;

- 4.1.1.2 kadar bayaran saguhati kepada pensyarah/penceramah sambilan yang terdiri daripada golongan pakar adalah ditetapkan sebanyak RM200.00 sejam.

4.1.2 Syarat-syarat Bayaran Saguhati

- 4.1.2.1 Bayaran saguhati di perenggan 4.1.1 di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) pegawai-pegawai dari institusi latihan yang memberikan syarahan dalam kursus di bawah program latihan organisasi masing-masing adalah tidak layak dibayar bayaran saguhati di bawah peraturan ini. Ini adalah memandangkan bahawa sesebuah institusi latihan adalah bertanggungjawab melatih pegawai/kakitangan dari Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing. Sebagai contoh, pegawai-pegawai INTAN atau pensyarah-pensyarah maktab/institut perguruan adalah tidak layak dibayar saguhati sekiranya mereka memberikan syarahan/ceramah dalam kursus di mana tugas itu adalah di bawah program latihan institusi masing-masing;

- (ii) bagi maksud bayaran kepada kategori pakar, pegawai-pegawai adalah layak dibayar kadar pakar sekiranya memenuhi semua syarat yang ditetapkan di *Lampiran "A"*;
- (iii) peraturan di dalam pekeliling ini adalah terpakai bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat bertaraf tetap atau kontrak;
- (iv) jumlah bayaran maksima saguhati sebulan yang boleh diterima oleh seseorang pensyarah/penceramah sambilan hendaklah tidak melebihi 1/4 daripada gaji bulanan pegawai. Walau bagaimanapun, pensyarah/penceramah sambilan yang memberikan syarahan/ceramah dalam kursus semasa beliau bercuti, layak menerima jumlah bayaran maksima saguhati tidak melebihi 1/2 daripada gaji bulanan pegawai;
- (v) manakala jumlah bayaran maksima saguhati yang layak diterima oleh seorang pensyarah/penceramah sambilan yang terdiri daripada golongan pakar adalah tidak melebihi 1/2 daripada gaji bulannanya;
- (vi) pensyarah/penceramah sambilan layak dibayar bayaran saguhati di bawah peraturan ini sekiranya tanggungjawab dan tugas memberikan syarahan/ceramah dalam kursus atau majlis-majlis rasmi itu bukan tugas rasmi beliau, tetapi hanyalah tugas sambilan beliau semata-mata;
- (vii) bagi kursus, kursus itu mestilah dianjurkan oleh institusi, bahagian atau unit latihan di bawah Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan. Walau bagaimanapun, bagi kursus yang dianjurkan oleh bukan institusi, bahagian atau unit latihan Kementerian/ Jabatan/Agensi, bayaran hanya boleh dibuat sekiranya pensyarah/penceramah sambilan itu bukan dari jabatan yang menganjurkan kursus tersebut;
- (viii) Ketua Jabatan adalah diberi kuasa untuk menentukan tempoh yang sesuai bagi pegawai di bawahnya diberi kebenaran menjalankan tugas sebagai pensyarah/penceramah sambilan dengan mengambil perhatian ianya tidak menjejaskan pelaksanaan tugas rasmi pegawai serta supaya ianya tidak menyimpang dari peraturan ini. Sehubungan dengan itu, semasa mengemukakan tuntutan bayaran saguhati di bawah peraturan ini, pegawai adalah dikehendaki mengemukakan surat kelulusan daripada Ketua Jabatan masing-masing;
- (ix) pegawai hendaklah membuat laporan kepada Ketua Jabatannya tentang bayaran bulanan yang diperolehi melebihi daripada syarat yang ditetapkan di perenggan (iv) dan (v) di atas serta memulangkan balik lebihan bayaran saguhati yang diterima kepada jabatan yang membuat bayaran tersebut;
- (x) pensyarah/penceramah sambilan layak menerima bayaran saguhati yang ditetapkan di dalam pekeliling ini berdasarkan tempoh beliau memberikan syarahan/ceramah dalam kursus atau dalam majlis rasmi bagi tiap-tiap jam genap. Sehubungan dengan itu, perkhidmatan yang diberi bagi tempoh sebahagian dari sejam, pensyarah/penceramah sambilan adalah tidak berkelayakan menerima bayaran saguhati berkenaan;
- (xi) Pensyarah/penceramah sambilan layak menerima satu sahaja saguhati iaitu sama ada dalam bentuk bayaran wang tunai mengikut kadar-kadar yang ditetapkan atau cenderamata di atas kadar yang sama bagi setiap unit untuk satu kursus/majlis rasmi sahaja;
- (xii) Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan mempunyai peruntukan yang mencukupi dan pembayarannya hendaklah mematuhi peraturan-peraturan kewangan yang berkuatkuasa; dan
- (xiii) Pegawai dikehendaki mengemukakan borang permohonan seperti di *Lampiran "B"* untuk memenuhi keperluan Pekeliling ini dan syarat di perenggan (ii), (viii) dan (ix) di atas dan tuntutan dibuat secara bulanan.

5. KEMUSYKILAN

- 5.1 Apa-apa kemusykilan berkenaan pekeliling ini hendaklah dirujukkan kepada Perbendaharaan (Bahagian Pentadbiran).

6. PEMAKAIAN


- 6.1 Pekeliling ini adalah juga dilanjutkan pemakaiannya kepada pegawai dalam Perkhidmatan Badan-Badan Berkanun dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan.

7. PEMBATALAN

- 7.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 1993 adalah dengan ini dibatalkan.

8. TARIKH KUATKUASA

- 8.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 1995 ini adalah berkuatkuasa mulai daripada 1 Jun 1995.



DATO' CLIFFORD F. HERBERT,
Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan,
KUALA LUMPUR

Tarikh: 22 Mac 1995